



Anwar bersama Hakan (tengah), Ibrahim (dua dari kanan) dan Zambry ketika mengadakan perjumpaan di Istanbul, kelmarin.

(Foto BERNAMA)

# Malaysia kesal pendirian beberapa negara Barat

## Isu kemanusiaan di Gaza yang dibangkitkan perlu diberi perhatian dunia

**Istanbul:** Malaysia kesal dengan pendirian beberapa negara Barat yang dilihat enggan memberikan dukungan kepada isu kemanusiaan di Gaza, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, Malaysia tegas dengan pendirian supaya segala bentuk serangan ke atas orang ramai, termasuk wanita dan kanak-kanak Palestin dihentikan dan bantuan dari sudut kemanusiaan disalurkan kepada mereka.

Bagaimanapun katanya, beberapa pemimpin negara Arab yang ditemuinya sehingga kini memberikan maklum balas yang positif terhadap isu yang dibangkitkan Malaysia berhubung perkembangan di Gaza.

"Banyak negara Islam membuat ketetapan yang positif. Hentikan serangan dan tingkatkan usaha membantu rakyat (Gaza) dari segi kemanusiaan," katanya pada sidang media di hujung lawatan kerja dua hari Perdana Menteri ke Turkiye, kelmarin.

Terdahulu Anwar mengadakan pertemuan dengan Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan, di Istana Vahdettin, di sini bagi membincangkan pelbagai isu termasuk perdagangan, kerjasama ekonomi, hubungan dua hala dan sebagainya.

Perdana Menteri sebelum itu turut mengadakan perjumpaan dengan Menteri Kewangan Turkiye, Mehmet Simsek; Menteri Luar Turkiye, Hakan Fidan dan Pengarah National Intelligence Organisation Turkiye, Ibrahim Kalin.

Anwar berkata, dari segi bantuan kepada penduduk Palestin, Turkiye dilihat berada lebih di hadapan apabila negara itu berusaha menyalurkan pelbagai bentuk bantuan perubatan ke kawasan berkenaan, walaupun terdapat kesukaran untuk ia sampai ke kawasan pedalaman di Gaza.

### Konflik membimbangkan

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, konflik di Gaza amat membimbangkan kerana sekiranya, Israel berkeras cuba menawan wilayah itu, ia akan membawa kepada krisis berpanjangan memabitkan banyak negara Arab.

Sementara itu, berucap pada Majlis Ramah Mesra dengan diaspora dan pelajar Malaysia di Mesir malam kelmarin, Anwar berkata, perkara utama perlu dilakukan semua pihak termasuk kuasa besar bagi meredakan sementara konflik yang meruncing di Gaza ketika ini ialah menghentikan serangan di kawasan itu.

Katanya, pembunuhan kanak-kanak, wanita dan rakyat Palestin yang tidak berdosa di Gaza mesti dihentikan.

"Malaysia bukanlah negara besar, bukan negara Arab, bukan negara Teluk yang berjiran dengan Palestin. Tetapi kita bertanggungjawab menyuarkan hati nurani umat dan rakyat Palestin," katanya.

Majlis yang dihadiri kira-kira

1,200 rakyat Malaysia itu antaranya turut dihadiri Menteri Luar Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir; Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Khairul Firdaus Akbar Khan; Duta Besar Malaysia ke Mesir, Zamani Ismail dan pegawai kedutaan Malaysia di Kaherah.

Anwar berkata, beliau juga kesal kerana negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat (AS) dan Eropah seolah-olah 'tidak mempunyai masa' untuk menghentikan kezaliman, penindasan dan pembunuhan terhadap rakyat Palestin di Gaza, selain bersikap dingin terhadap usaha penghantaran bantuan kemanusiaan ke Gaza.

Dalam perkembangan lain, Anwar berkata, beliau memberi kebebasan sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam menjalankan tanggungjawabnya membanteras gejala rasuah di negara ini.

Ketika menjawab pertanyaan diaspora pada majlis ramah mesra itu, Anwar berkata, beliau yakin gejala rasuah di negara ini boleh diatasi dengan sokongan semua pihak termasuk pemimpin tertinggi negara tidak terkecuali Perdana Menteri, perlu mengelak menggunakan kedudukan untuk mengumpul kekayaan.

Anwar kini berada di Kaherah dalam lawatan kerja dua hari ke Mesir dan hari ini beliau dijadual menghadap Presiden Mesir, Abdel Fattah El-Sisi, di Istana Al Ittihadiya.

Perdana Menteri turut dijadual mengadakan kunjungan hormat ke atas Imam Besar Al-Azhar, Sheikh Ahmed el-Tayeb sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur. **BERNAMA**